

Dari kiri, Nurizati, Nur Nabilah, Najihah Farhah dan Muna Majidah mempamerkan Sejadah Serbaguna bersempena dengan Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi 2012 di UPM.

[SYAZWAN AFIFI ISMAIL/ BH]



INFO

INFO Sejadah BB

● Ukurannya 32 x 28 sentimeter

● Sudah dipatenkan bulan Julai lalu namun belum ada di pasaran

● Hanya ada satu unit setakat ini berwarna merah hati sebelum dipelbagaikan warnanya

● Pernah memenangi tempat pertama kategori Quality and Human Life di Seminar dan Pameran Kreatif USIM

● Pernah memenangi tempat pertama kategori inovasi Pertandingan Inovasi Pelajar USIM

Selain Muna Majidah, projek itu turut dijayakan empat rakannya termasuk Nur Nabilah Rapiee, Najihah Farhah Madon, Nur Izati Mohd Ijhar dan Nurul Diyanah Sharom serta seorang penyelidik yang juga pensyarah mereka, Mohd Azmir Mohd Nizah.

Imej Kaabah

Muna Majidah berkata, produk itu dinamakan Sejadah BB kerana mempunyai imej Kaabah bercahaya dalam gelap pada tempat sujud bagi memudahkan pengguna untuk fokus kepada tempat sujud.

"Ketika gelap tempat sujud terang. Sebab itu dipanggil 'black is bright,'" katanya.

Beliau berkata, satu lagi keistimewaan Sejadah BB ialah boleh dijadikan beg menyimpan komputer riba, netbook atau tablet pintar selepas dilipatlipat dan dizip.

"Kami harap kegunaan sejadah ini untuk menyimpan komputer riba membantu umat Islam untuk berjaya di dunia tanpa perlu mengabaikan tanggungjawab untuk akhirat," katanya.

Seperti kebanyakan sejadah lain, Sejadah BB juga diperbuat daripada kain baldu dan dengan semua ciri-ciri itu kosnya menelan belanja sebanyak RM150.

Jika mendapat sambutan dan boleh dihasilkan dalam skala besar, sejadah itu boleh dijual antara RM20 hingga RM25.

Mereka bercadang menambahkan penggunaan GPS serta pengira rakaat pada sejadah berkenaan.

Muna Majidah berkata, mereka sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mahu mengeluarkan sejadah itu dalam kuantiti banyak.

Sejadah inovasi USIM mudah solat

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

Satu sejadah empat keistimewaan! Selain digunakan untuk solat, sejadah yang diberi sentuhan inovasi sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ternyata mampu memberi kemudahan kepada umat Islam untuk menunaikan solat dengan khusyuk.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan USIM, Muna Majidah Zameram, berkata idea mencipta sejadah berinovasi itu tercetus apabila semua pelajar Tahun Dua perlu menghasilkan produk untuk mata pelajaran 'Creative Thinking and Problem Solving' seterusnya menyertai pertandingan inovasi anjuran USIM.

Beliau berkata, produk itu mengambil masa dua bulan untuk disiapkan termasuk memikirkan konsep serta menyiapkan sejadah istimewa itu.

Katanya, sejadah yang diberi nama Sejadah BB (black is bright) itu mempunyai poket tersembunyi berzip di bahagian bawahnya.

Poket telefon bimbit

Poket itu memudahkan penggunaannya untuk menyimpan barang berharga contohnya jam tangan, telefon bimbit dan dompet.

"Kedudukan poket itu adalah antara tapak tangan dengan lutut jika dalam keadaan sujud. Jadi ini tidak mengganggu pengguna ketika solat.

"Bagi memastikan pengguna tidak ragu-ragu dengan arah kiblat, sejadah ini disertakan dengan kompas kalis air yang diletakkan pada tepi kanan bahagian atasnya.

"Kompas itu boleh dirujuk sebelum solat supaya kita benar-benar yakin dengan kiblat walau di mana saja kita mengerjakan ibadat solat," katanya ketika ditemui di Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Putra Malaysia, baru-baru ini.